

Mentaliti pelaku boleh diubah

Pakar kaunseling berpendapat pendidikan tidak formal perlu diubah mengikut kesesuaian

SHAH ALAM - Sikap dan mentaliti pelaku yang cenderung membuang sampah dari tingkat atas kawasan perumahan bertingkat tidak dinafikan boleh diubah namun pelbagai pihak perlu terbuka dan menggembleng tenaga secara keseluruhan.

Pakar kaunseling Jabatan Psikologi dan Kaunseling Universiti Malaysia Terengganu, Profesor Madya Dr Ruhani Mat Min berkata, masalah sikap dan kecenderungan tindakan itu berlaku hasil proses pendidikan tidak formal.

"Saya melihat sikap ni masih ada kerana hasil daripada didikan yang dilalui oleh pelaku, jadi sekarang ini kalau kita nak betulkan sikap sahaja

tanpa proses pendidikan yang bersesuaian agak sukar.

"Sekiranya kita nak perbetulkan perkara ini, kena melalui satu proses pendidikan juga maksud saya maklumat kena diberikan dan paling penting kempen yang perlukan keterlibatan masyarakat itu sendiri, bukan kempen sekadar poster sahaja," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian*.

Menurutnya, kempen perlu melibatkan masyarakat seperti gotong royong membersihkan kawasan perumahan dan rumah secara bersama-sama termasuk dengan pihak pengurusan untuk menyediakan peralatan.

"Itu maksud contoh pendidikan yang bagi saya



RUHANI

kalau nak betulkan kembali sikap seperti ini dan ia juga memerlukan satu proses pendidikan secara tidak formal untuk mengubahnya disebabkan sikap begini dihasilkan daripada pendidikan tidak formal.

"Perkembangan sikap ini contohnya dalam konteks membuang sampah selalunya dibina melalui pendidikan di rumah dan pengalaman yang bermula di rumah," katanya.

Ruhani berkata, petikara itu sering melibatkan sikap dan pengaruh terutama dalam kalangan ibu bapa di rumah yang memberi impak kepada perkembangan sikap dan mentaliti anak masing-masing.

"Saya rasa ia bermula daripada sistem pendidikan yang dilalui bermula dari rumah, maksudnya di rumah kita dididik dan ditunjukkan secara tidak langsung macam mana cara atau sikap terhadap sesuatu perkara.

"Kalau katakan kita sebagai satu keluarga biasa didedahkan dengan prinsip kebersihan, proses tersebut kemudian pastinya akan menjadi sebahagian sikap anak-anak mereka seterusnya.

"Tapi sekiranya perkara tersebut tidak diberikan perhatian seperti sampah diletakkan di depan rumah, kanak-kanak perhatikan dan ambil itu sebagai salah satu perkara yang boleh dilakukan dan gunakan pengalaman itu untuk dikukuhkan dari satu peringkat ke peringkat seterusnya," katanya.

Menurutnya, selain itu proses perubahan sikap dan mentaliti ini tidak dinafikan memerlukan satu jangka

masa atau tempoh tertentu yang agak panjang, namun dalam masa sama pendekatan jangka masa pendek tidak boleh diabaikan sama sekali.

"Proses didikan ini perlu kan satu tempoh masa lama kerana melibatkan pihak yang ramai, cuma tindakan segera perlu dilakukan juga sangat penting. Macam saya katakan tadi perlu dilakukan juga mungkin secara berkala dari masa ke masa dan melibatkan penduduk secara keseluruhannya.

"Pihak berwajib juga perlu faham bagaimana keadaan kehidupan di rumah flat melibatkan bilangan penduduk yang ramai dan tempat sempit," katanya.

DBKL pasang jaring keselamatan



Penduduk boleh melalui ruang terbuka bawah blok dengan tenang selepas jaring keselamatan dipasang.

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memasang jaring keselamatan di laluan terbuka bawah blok Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Pantai, Pantai Dalam di sini, sebagai langkah keselamatan kepada penduduk.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati kerja-kerja pemasangan jaring besi di beberapa sudut laluan siap dilaksanakan kontraktor yang dilantik.

Seorang penduduk, Hamidah Taan, 57, ketika ditemui berkata, sejak kejadian kes remaja maut ditimpa kerusi, masih ada penduduk yang membuang sampah dari atas, namun berkurangan berbanding sebelum kejadian.

Menurutnya dengan pemasangan jaring keselamatan, penduduk berasa lebih selamat kerana selama ini sering mengelak berjalan di laluan terbuka.

"Kadang-kadang nak elak tapi

lupa sebab memang itu laluan ke lif. Bila teresdar cepat-cepat lari ke bawah blok. Saya sendiri hampir terkena botol yang berisi air dibuang ke bawah. Boleh kata setiap penduduk pasti ada pengalaman.

"Tak tahu lah selepas pemasangan jaring ni macam mana. Harap-harap kesedaran lebih meningkat," katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengurusan Perumahan dan Pembangunan Komuniti, Wan Mohammad Ghazali Nor, berkata, pemasangan jaring keselamatan di PPR Seri Pantai adalah pilot projek dan sebelum dilakukan di beberapa kawasan lain mengikut kesesuaian.

"Kita tidak mahu kejadian berulang namun dalam masa sama penduduk diingatkan lebih sensitif dengan tidak membuang sampah atau barang dari atas dengan sewenang-wenangnya walaupun sudah ada jaring," katanya.

Bersih berbanding 17 tahun lalu

HULU SELANGOR - Kebersihan di beberapa apartmen di Taman Bunga Raya menunjukkan perubahan positif berbanding pada awal rumah flat itu diduduki 17 tahun lalu namun belum berada di tahap sepatutnya.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati sampah seperti plastik makanan ringan, pakaian dan sisa makanan bertaburan di tangga dan halaman bangunan terutama di Apartmen Teratai.

Najis kucing dan bau hancing turut mencemari laluan setiap tingkat selain sampah di biarkan berlonggok.

Pekerja pembersihan berusia 40-an yang enggan dikenali berkata, terdapat lapan pekerja yang bertugas setiap hari membersihkan lorong di setiap blok bangunan dan mendapati sikap penduduk tidak pernah berubah



Sampah termasuk pakaian dan selipar bertaburan di blok J Apartmen Teratai

kerana sering mencampak pelbagai jenis sampah.

"Bukan saja sampah tapi lampin wanita pakai buang dan pasu bunga pun ada yang campak ke bawah tapi setakat ini, saya rasa belum ada lagi kes kecederaan.

"Peti sejuk memang ada yang campak sebab memang tujuan nak buang dan mahu menjimatkan tena-

ga kalau bawa turun ikut tangga. Sebelum campak, ada yang jaga di bawah dan pastikan tiada siapa lalu. Kalau sampah biasa, berlaku setiap hari," katanya.

Difahamkan, pekerja terbahit hanya membersihkan dan mengutip sampah kecil di lorong setiap tingkat walaupun terdapat penduduk yang sengaja melonggokkan sampah dalam plastik besar di hadapan rumah mereka.

Seorang penduduk Apartmen Kenanga, Mohd Azmi Yahya, 52, berkata, rumah di situ dibelinya pada 1994 dan mulai diduduki lapan tahun lalu.

"Dulu memang kotor sekarang sudah lebih baik sejak penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan kerap diadakan gotong-royong bersama penduduk," katanya.



Kemudahan di taman permainan turut rosak dipercayai akibat perbuatan tidak bertanggungjawab.